

**NO SOALAN :59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM  
(BANDAR TUN RAZAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.04.2015**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah terperinci bakal diambil untuk menangani perancangan sabotaj ekonomi negara yang didakwa wujud dengan hukuman setimpal terhadap dalangnya jika didapati bersalah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan

melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

2. BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti purata harian bagi

pasaran mata wang Malaysia juga adalah besar dan berjumlah dolar AS 11.8 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, jika berdasarkan jumlah transaksi yang sebegini besar, kemungkinan bagi seseorang individu untuk mempengaruhi nilai ringgit adalah amat kecil.

4. Dari segi polisi makroekonomi secara keseluruhannya, pengurusan makroekonomi yang baik adalah amat penting bagi menggalakkan asas-asas ekonomi yang kukuh dan mapan. Sekiranya kekuatan ini ditunjukkan di dalam penunjuk-penunjuk ekonomi, ianya akan dapat membantu mengukuhkan pandangan dan jangkaan pasaran pelabur secara keseluruhannya dan seterusnya mengurangkan peluang bagi aktiviti spekulasi yang boleh menyebabkan ketidakstabilan.

5. Dalam keadaan pergerakan nilai mata wang ringgit sedia ada, ekonomi negara tidak tergugat dengan aktiviti sabotaj kewangan atau ekonomi sebegini kerana ekonomi negara kekal berada pada landasan pertumbuhan yang mapan serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh, kadar inflasi yang terkawal serta rizab antarabangsa yang tinggi.

Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai pengawal selia, dengan izin, *regulator* termasuk agensi Kerajaan dan BNM sentiasa berwaspada dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj kewangan dan ekonomi negara.